

**TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH**

NEGERI SELANGOR BERSAMA KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

**30 OKTOBER 2023 (ISNIN)
AUDITORIUM ANGKASA**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Salam Malaysia Madani, Salam
Perpaduan dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

SALUTASI OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Alhamdulillah, dengan limpah izin dan kurnia Allah s.w.t pada hari ini kita semua diberi peluang untuk bersama dalam auditorium ANGKASA ini bersempena dengan **MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KOPERASI SEKOLAH NEGERI SELANGOR BERSAMA KETUA PENGARAH**

PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2023 PADA HARI INI.

- 2.** Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ingin saya ucapkan kepada YBhg. Datuk Haji Pkharuddin Haji Ghazali, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia atas kesudiannya turun ke ANGKASA untuk

bersama – sama dengan kita semua. Sesungguhnya kehadiran beliau merupakan satu bentuk sokongan untuk kita semua memperkasakan lagi pergerakan koperasi sekolah di negara ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan

penghargaan kepada Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Selangor yang diketuai oleh Dato' Haji Alias Hamzah kerana dapat mengumpulkan sebegitu ramai warga pemimpin koperasi sekolah di auditorium ini. Kehadiran tuan – tuan dan puan – puan juga menunjukkan iltizam untuk bersama dengan

ANGKASA dalam memajukan lagi koperasi masing – masing.

YBhg. Datuk, para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Gerakan koperasi sekolah di negara ini dicetuskan idea penubuhannya sebelum

kemerdekaan negara ini dicapai lagi, yaitu pada tahun 1953 dan sebuah usul diluluskan hasil persetujuan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian yang menggalakkan penubuhan koperasi sekolah.

5. Namun hasrat penubuhan koperasi sekolah di negara ini direalisasikan apabila idea ini dibangkitkan semula oleh YM Profesor Diraja Ungku Aziz pada tahun 1968, di mana sembilan buah sekolah di Semenanjung Malaysia telah dipilih sebagai peneraju untuk menubuhkan koperasi di sekolah masing-masing.

6. Bermula dari titik tolak tersebut, koperasi sekolah mula mengorak langkah dan bertransformasi khususnya dari segi perniagaannya sesuai dengan peredaran dan kemajuan zaman. Jika dahulu koperasi sekolah dikenali sebagai tempat mendapatkan peralatan pemebelajaran, pada hari ini kita

terlibat dalam pelbagai sektor sesuai dengan permintaan dan perkembangan landskap ekonomi semasa.

7. Sehingga kini, suka untuk saya kongsi sebanyak **22 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan**

melebih RM1 Juta. Sekolah tersebut adalah:

- 1. Koperasi MRSM Kepala Batas Berhad (Pulau Pinang)**
- 2. Koperasi MRSM Kubang Pasu Berhad (Kedah)**
- 3. Koperasi SMK Kota Berhad (Kelantan)**

- 4. Koperasi MRSM Taiping Berhad
(Perak)**
- 5. Koperasi Kolej Vokasional Tanah
Merah Berhad (Kelantan)**
- 6. Koperasi SMA Kuala Lumpur Berhad
(WPKL)**
- 7. Koperasi SMK Tansau Berhad
(Sabah)**

- 8. Koperasi MRSM Tun Abdul Razak Berhad (Pahang)**
- 9. Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad (Johor)**
- 10. Koperasi MRSM Mersing Berhad (Johor)**
- 11. Koperasi SMK Dato' Mahmud Paduka Raja 1 Tanah Merah Berhad (Kelantan)**

**12. Koperasi SMK Merbau Miri Berhad
(Sarawak)**

**13. Koperasi SMK Senggarang Batu
Pahat Berhad (Johor)**

**14. Koperasi MRSM Tun Mohammad
Fuad Stephens Berhad (Sabah)**

**15. Koperasi SMK Subang Bestari Shah
Alam Berhad (Selangor)**

- 16. Koperasi Saujana Utama Sungai Buloh Berhad (Selangor)**
- 17. Koperasi MRSM Transkrian Berhad (Pulau Pinang)**
- 18. Koperasi MRSM Gemencheh Berhad (N.Sembilan)**
- 19. Koperasi MRSM Tun Ghafar Baba Melaka Berhad (Melaka)**

**20. Koperasi MRSM Alor Gajah Berhad
(Melaka)**

**21. Koperasi SMK Seksyen 19, Shah
Alam.Bhd (Selangor)**

**22. Koperasi SMK Kota Kemuning Shah
Alam Berhad (Selangor)**

8. Ini merupakan petanda jelas
bahawa usaha ANGKASA bersama

koperasi sekolah dan pemegang taruh yang lain untuk menyemai benih keusahawanan seawal usia persekolahan telah mula menampakkan hasil. Perkara ini juga adalah selari dengan **Falsafah Pendidikan Kebangsaan** untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

9. Ianya juga salah satu pelengkap kepada **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)** melalui pembangunan komponen bukan akademik yakni aktiviti luar darjah.

10. ANGKASA yakin melalui koperasi sekolah, para pelajar akan diasah

bakat mereka bukan sahaja dari segi kepimpinan, keterampilan, malah mampu menyediakan platform pelapis keusahawanan sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia **Negara Keusahawanan Unggul menjelang 2030** seperti yang terkandung dalam **Dasar**

Keusahawanan Nasional 2023 (DKN2030)

**YBhg. Datuk, para hadirin yang
dihormati sekalian,**

11. Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang kerana kita semua akan mendengar sendiri amanat daripada

YBhg. Datuk Haji Pkharuddin Haji Ghazali, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sebentar lagi.

12. Saya juga penuh yakin, melalui kewibawaan pemimpin koperasi sekolah yang hadir pada hari ini, gerakan koperasi sekolah mampu untuk pergi lebih jauh dan saya juga

meletak harapan agar kita semua mampu untuk mencapai perolehan RM500 juta pada tahun ini.

13. Semoga koperasi sekolah terus menjadi wadah kemenjadian pelajar khususnya dalam bidang keusahawanan koperasi dan memberi

sumbangan berkesan kepada
kemandirian sekolah itu sendiri

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.